

## KERATAN AKHBAR FEBRUARI 2022

| BIL | TAJUK PERKARA                                                                | SUMBER/MUKA SURAT     | TARIKH           | BAHAGIAN/FAIL |
|-----|------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|------------------|---------------|
| 1   | URUS SISA PEPEJAL SECARA MAMPAN, ELAK ALAM SEKITAR TERBEBAN                  | BERITA HARIAN MS 12   | 03 FEBRUARI 2022 | RENCANA       |
| 2   | KPT TANGGUH BAYARAN PROSES UPUONLINE, UNIK ID                                | BERITA HARIAN MS 14   | 04 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 3   | PENJANAAN KEWANGAN JAMIN KELESTARIAN UNIVERSITI AWAM                         | BERITA HARIAN MS 11   | 04 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 4   | IPT PERLU JADI JAGUH TERJEMAH LONSEP PEMBANGUNAN MAMPAN                      | BERITA HARIAN MS 10   | 11 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 5   | IPT BOLEH TENTUKAN BELAJAR SECARA MAYA ATAU FIZIKAL                          | BERITA HARIAN MS 11   | 14 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 6   | GRADUAN PERLU KREATIF CIPTA PELUANG PEKERJAAN                                | BERITA HARIAN MS 11   | 14 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 7   | PEMBELAJARAN SECARA MAYA GUGAT NILAI MURNI PELAJAR IPT                       | BERTIA HARIAN MS 11   | 17 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 8   | BUANG EGOMU WAHAI MANUSIA                                                    | HARIAN METRO MS 15    | 17 FEBRUARI 2022 | AGAMA         |
| 9   | UITM TANGGUH ISTIADAT KONVOKESYEN                                            | HARIAN METRO MS 06    | 18 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 10  | BAWALAH ANAK - ANAK LAWAT UNIVERSITI                                         | UTUSAN MALAYSIA MS 18 | 18 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 11  | BERGELAR SEORANG ARKITEK                                                     | SINAR HARIAN MS 24    | 21 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 12  | 7 BANGGUNAN IKONIK DUNIA                                                     | SIANR HARIAN MS 26    | 21 FEBRUARI 2022 | RENCANA       |
| 13  | AYUH ANAK MUDA PACU KEGEMILANGAN UMAT                                        | HARIAN METRO MS 15    | 23 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 14  | TVET: MELAHIRKAN PEKERJA BERKEMAHIRAN TINGGI CABARAN MALAYSIA LONJAK EKONOMI | HARIAN METRO MS 14    | 21 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 15  | PELAJAR PERLU BIJAK PILIH PROGRAM PENGAJIAN SENIBINA                         | SINAR HARIAN MS 17    | 27 FEBRUARI 2022 | KPT           |
| 16  | MENYEGARKAN PERKHIDMATAN AWAM TUNTUT TINDAKAN                                | BERITA HARIAN MS 12   | 23 FEBRUARI 2022 | RENCANA       |
| 17  | TANGGUH KONVOKESYEN, 27,287 GRADUAN KECEWA                                   | SINAR HARIAN MS 16    | 25 FEBRUARI 2022 |               |

# Urus sisa pepejal secara mampan, elak alam sekitar terbebani



Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman  
bhrencana@bh.com.my

**Sisa domestik** adalah apa-apa sisa pepejal dihasilkan daripada aktiviti isi rumah dan komersial contohnya kertas, kadbod, plastik, sisa makanan dan sisa restoran.

Premis perumahan menghasilkan sisa pepejal paling tinggi disebabkan jumlahnya yang besar berbanding premis lain seperti pusat komersial dan institusi.

Pada 2021, secara purata 8,547.76 tan sisa pepejal dikutip setiap hari oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Ia membabitkan sisa domestik (7,198.30 tan), sisa pukal (903.61 tan) dan sisa pembersihan awam (438.84 tan).

Terkini, pembuangan sisa pepejal negara meningkat mendadak akibat pandemik

dengan peningkatan besar sisa perubatan disebabkan penggunaan pelitup muka, sarung tangan, kelengkapan pelindung diri (PPE) dan ujian calitan.

Ini ditambah pembuangan pelitup muka oleh orang awam. Pelitup muka pakai buang sebagai sampah baharu yang tidak lagi dilupuskan secara sisa buangan klinikal, sebaliknya sebagai sampah domestik.

Kegagalan menguruskan sisa pepejal jenis ini sudah pasti mengundang malapetaka dan menyebabkan kesan buruk terhadap keselamatan dan kesihatan awam serta alam sekitar.

Dalam pada itu, penghujung Disember 2021 menyaksikan beberapa negeri dilanda musibah banjir. Rentetan itu 77,465 tan sampah dikutip dan dibersihkan di lima negeri terjejas teruk akibat bencana ini.

Selangor mencatat kutipan sampah tertinggi sebanyak 48,100 tan. Kerajaan negeri membelanjakan lebih RM6 juta untuk menguruskan sampah pascabanjir.

Menurut syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Worldwide Holdings Bhd selaku operator Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil, mereka menerima peningkatan tiga kali ganda sampah hasil barangan rosak akibat banjir berbanding kebiasaan 500 tan sampah sehari, susulan kerja pembersihan kediaman selepas banjir surut.

Selangor membuka 12 stesen pemindahan sementara untuk menempatkan sampah pukal pascabanjir membabitkan empat pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Hakikatnya, sampah terbiar lama akan berakir dengan pemandangan menyakitkan mata, di samping mengeluarkan bau tidak menyenangkan sehingga menyebabkan masyarakat sekitar terganggu. Ia turut membawa pelbagai impak lain termasuk kepada alam sekitar dan kemunculan penyakit tertentu seperti leptospirosis dan denggi.

Sampah dibuang sembarono dan tidak diurus dengan baik seperti plastik dan bekas makanan pula akan mencetuskan sistem saliran seperti longkang, parit dan sungai seterusnya menjadi punca berlakunya banjir kilat khususnya di kawasan bandar.

Kerajaan juga perlu membelanjakan wang yang banyak untuk penyelenggaraan akibat kesan pembuangan sisa domestik tidak terkawal seperti banjir kilat. Tapak pelupusan sampah pembuangan terbuka juga memerlukan kos tinggi untuk dibangunkan semula, selain menurunkan nilai hartanah di kawasan berhampiran.

Pembukaan tapak pelupusan baharu pula, sukar akibat saingan dengan keperluan infrastruktur lain (perumahan dan industri) kerana faktor tanah terhad.

Paling kritikal, gas rumah hijau dihasilkan sisa pepejal yang mereput akan naik ke lapisan atmosfera dan memerangkap haba, seterusnya mengakibatkan kesan rumah hijau yang menyumbang fenomena pemanasan global dan perubahan iklim, mendorong reaksi cuaca ekstrem dalam bentuk seperti ribut dan taufan.

Malah, pencemaran air disebabkan peresapan 'leachate' (air larut resapan) ke dalam sumber air bawah tanah turut berlaku.

Hakikatnya, manusialah yang menjadi punca utama kepada penghasilan dan pembuangan sampah. Di Malaysia, dengan anggaran pertumbuhan populasi 2.4 peratus atau 600,000 orang setiap tahun (sejak 1994), lebih banyak sampah akan dihasilkan.

Terkini, SWCorp menganggarkan 38,000 tan sisa domestik dan 17,000 tan sisa makanan dihasilkan rakyat Malaysia setiap hari. Perkiraan nilai sisa ini memerlukan tujuh kolam renang bersaiz Olimpik untuk memuatkan semua sisa berkenaan.

Keadaan ini akan mengurangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah. Walaupun negara mempunyai jumlah tapak pelupusan sisa pepejal yang banyak, ia masih tidak mencukupi untuk menampung jumlah sampah dihasilkan.

Keadaan diburukkan statistik terkini dengan

“Manusialah yang menjadi punca utama kepada penghasilan dan pembuangan sampah. Di Malaysia, dengan anggaran pertumbuhan populasi 2.4 peratus atau 600,000 orang setiap tahun (sejak 1994), lebih banyak sampah akan dihasilkan”

hampir separuh tapak pelupusan sampah di negara ini tidak lagi beroperasi; kebanyakannya menunggu masa ditutup.

Realiti harus diterima, sikap kita sendiri yang kurang kesedaran sivik, bersikap tidak endah, selain kurang menitikberatkan kebersihan dan kurang pendidikan tentang kesannya terhadap alam sekitar menjadi punca utama.

Pengurusan sisa pepejal mampu mengurangkan sehingga 20 peratus pengeluaran gas rumah hijau di peringkat global dan ia satu daripada tiga strategi utama dikenal pasti kerajaan bagi mengurangkan emisi karbon negara.

Natijahnya, sangat penting mengurangkan penajaan sampah daripada penghasilannya di punca, iaitu di peringkat masyarakat. Dalam soal ini, masyarakat Jepun boleh dijadikan contoh.

Mereka menganggap menjaga persekitaran penting kerana ia hak bersama dalam masyarakat, lantas tidak membuang sampah merata-merata demi menjaga persekitaran yang menjadi hak bersama.

Orang Jepun biasanya membawa beg plastik bersama apabila keluar rumah untuk menyimpan sampah dihasilkan mereka di luar. Sampah ini akan dibawa pulang dan dibuang ketika mereka sampai di rumah atau di tempat kerja.

Peranan boleh dilakukan masyarakat dalam menguruskan sisa pepejal di kediaman masing-masing, dengan membudayakan amalan kitar semula. Ia bukan sahaja mengurangkan penghasilan sisa pepejal, malah menjana pendapatan sampingan.

Dasar Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam menekankan bahawa sampah diuruskan mengikut hirarki pengurusan sisa dalam mengurangkan penajaan sisa berlandaskan konsep 3R iaitu 'Reduce' (mengurangkan), 'Reuse' (mengguna semula) dan 'Recycle' (mengitar semula).

Maka, pendidikan dan kesedaran semua lapisan masyarakat, tidak kira tahap ekonomi dan kondisi sosial perlu sentiasa berterusan.

Kaedah lain membabitkan penggunaan teknologi mesra alam dalam aktiviti perawatan dan pelupusan sisa pepejal seperti plasma pirolisis dan tapak sisa lengai, serta proses menukarkan sisa tidak boleh dikitar semula ke dalam bentuk tenaga yang boleh digunakan termasuk haba, bahan api dan elektrik.

Akhirnya, dasar dan undang-undang dalam pengurusan sisa sampah perlu sentiasa diperhalusi semasa ke semasa supaya kekal relevan dan berkesan terutama berkaitan pemantauan, penguatkuasaan dan hukuman berkaitan.



Cuaca panas dijangka berterusan sehingga bulan depan

**Kuala Lumpur:** Negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut, sekali gus akan menyebabkan fenomena peningkatan suhu mendadak yang dijangka berterusan sehingga bulan depan.

Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) mendapati dalam tempoh itu, taburan hujan agak rendah di Semenanjung terutama di utara.

Ketua Pengarah METMalaysia, Muhammad Helmi Abdullah, berkata bagaimanapun pihaknya tidak menjangka keadaan cuaca panas luar biasa akan berlaku pada tahun ini.

"Taburan hujan rendah dan litupan awan yang kurang dalam tempoh lama boleh menyebabkan cuaca panas bermula te-

# KPT tanggung bayaran proses UPUOnline, Unik ID

Keputusan dibuat selepas ambil kira keadaan semasa COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semalam bersetuju untuk menanggung sepenuhnya bayaran proses UPUOnline/Unik ID kepada semua pemohon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau

setaraf, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), asasi, matrikulasi dan diploma atau setaraf bagi sesi akademik 2022/2023.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, dalam satu kenyataan media semalam, berkata keputusan itu dibuat dengan mengambil kira keadaan semasa pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir.

Beliau berkata, permohonan kemasukan akan dibuka mulai hari ini sehingga 31 Mac ini.

"Sehubungan itu, pemohon boleh melayari portal rasmi [upu.mohe.gov.my](http://upu.mohe.gov.my) bagi mendapatkan maklumat lanjut dan membuat permohonan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam

KPT berharap agar keputusan ini dapat meringankan beban dan melancarkan urusan pemohon untuk melanjutkan pengajian seterusnya menjamin masa depan yang lebih cerah

Noraini Ahmad,  
Menteri Pengajian  
Tinggi



(IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

"Kerajaan dan KPT khususnya amat prihatin akan kekangan dan kesan sekiranya pemohon diwajibkan membeli nombor pin Unik ID di Bank Simpanan Nasional untuk membuat permohonan UPUOnline.

"KPT berharap keputusan ini dapat meringankan beban dan melancarkan urusan pemohon untuk melanjutkan pengajian seterusnya menjamin masa depan yang lebih cerah," katanya.

Keputusan KPT itu kali kedua dilaksanakan selepas ia bersetuju menanggung sepenuhnya bayaran proses UPUOnline/UNIK ID kepada pemohon bagi sesi akademik 2021/2022, tahun lalu.

BH Jumaat, 4 Februari 2022

Komentari

11

# Penjanaan kewangan jamin kelestarian universiti awam



Oleh Prof Dr Zafir Khan  
Mohamed Makhbul  
bhrencana@bh.com.my

Dekan UKM-  
Graduate School of  
Business, Universiti  
Kebangsaan  
Malaysia (UKM)

**Perubahan** persekitaran perniagaan dan daya saing turut membawa perubahan kepada pelbagai spektrum kehidupan.

Perubahan mencetuskan ketidakpastian terhadap pelbagai sektor berkait kelangsungan perniagaan, produktiviti, keselamatan, kesihatan dan seumpamanya.

Sektor pendidikan turut terkesan daripada perubahan persekitaran dan daya saing yang berlaku. Trend global menunjukkan kebergantungan berterusan sistem pendidikan terhadap dana awam bakal mencetuskan isu kebolehlaksanaan.

Universiti awam (UA) di Malaysia juga bakal berdepan krisis kewangan lebih serius sekiranya penularan pandemik berterusan hingga tahun hadapan, sekali gus menjejaskan kemasukan pelajar antarabangsa yang menjadi penyumbang terbesar pendapatan mereka.

Justeru, aktiviti penjanaan pendapatan satu strategi penting dalam pelan pengurusan UA atau pemberi pendidikan tinggi di seluruh dunia.

Di Malaysia, kebiasaannya setiap tahun peruntukan kewangan diagihkan kepada UA bagi memenuhi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP), penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perbelanjaan operasi.

Dari aspek dana kerajaan, ia masih membabitkan peruntukan sejumlah kewangan besar bagi menampung kos operasi harian UA. Namun, perbelanjaan

untuk ketiga-tiga aspek ini semakin mendesak dan membabitkan peningkatan kos.

Pelbagai faktor menyebabkan ketidakcukupan dana, lantas memaksa UA mencari alternatif terbaik mendapatkan dana tambahan bagi menampung kos operasi yang semakin meningkat. Antaranya, kos penyelenggaraan dan penambahbaikan yang perlu bagi UA, terutama penambahbaikan persekitaran PdP untuk memastikan kewujudannya malar segar mendepani perubahan berlaku.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengemukakan bahawa UA diharap mampu mencari alternatif penjanaan pendapatan berdasarkan kekangan belanjawan kerajaan.

UKM sebagai contoh, memulakan inisiatif penjanaan pendapatan melalui pembangunan kerangka TERAS UKM serta selari saranan KPT.

Model pembiayaan tradisional dengan UA bergantung hampir sepenuhnya kepada dana awam semakin kelihatan tidak lestari memandangkan tanggungan dana awam semakin meningkat.

Kebergantungan ini juga boleh menghambat usaha universiti untuk terus memainkan peranan sebagai universiti terkehadapan.

UKM memerlukan lebih banyak penjanaan kewangan bagi membiayai tuntutan semakin mendesak seperti keperluan pembiayaan penyelidikan, pelajar, gaji kakitangan serta kos operasi universiti.

Usaha seperti merekayasa semula tatacara pengurusan kewangan yang lebih mengutamakan komponen pelaburan dilihat strategi mapan UA berbanding sekadar mengawal perbelanjaan.

Dalam pada itu, wakaf juga dilihat satu alternatif penyelesaian terbaik kepada permasalahan ini bagi

membiayai UA, apatah pula wakaf sendiri diutarakan KPT sebagai satu daripada 10 pelan lonjakan terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Realitinya, pelbagai pendekatan boleh dilakukan UA bagi menjana pendapatan termasuk melalui wakaf dan filantropi, penjanaan pendapatan daripada penubuhan Unit Perniagaan Strategik, keuntungan hasil perniagaan perusahaan universiti, program keusahawanan, projek perundingan, program pendidikan berterusan, program pembangunan profesional, penjimatan kos serta peningkatan jumlah pelajar siswazah.

Strategi ini juga selari Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Kebangsaan yang menggalakkan pemberi pendidikan tinggi bergerak ke arah tadbir urus berautonomi, termasuk penjanaan kewangan dan kekayaan, sumber manusia dan pengurusan akademik.

Inisiatif penjanaan kewangan dan kekayaan perlu selari Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dengan UA perlu menjana pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan dana awam.

Skop penjanaan kewangan dan kekayaan meliputi aktiviti yang dapat menjana pendapatan dengan keuntungan daripada aktiviti itu dapat menyumbang peningkatan sumber dalaman universiti.

Ini termasuk penjanaan pendapatan berasaskan program akademik, aktiviti penyelidikan dan inovasi, perundingan, seminar dan seumpamanya.

Dalam hal ini, inisiatif perancangan dan penjanaan kewangan lebih lestari perlu dijadikan antara teras UA supaya terus berdaya saing dengan sumber kewangan kukuh serta mapan.

# MukaSepuluh

E-mel: [bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

## IPT perlu jadi jaguh terjemah konsep pembangunan mampan



Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

**Konsep** pembangunan mampan semakin menjadi perhatian warga dunia apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memperkenalkan matlamat pembangunan lestari (SDG) sejak 2015.

Pembangunan mampan bukan hanya melihat kepada aspek kemajuan ekonomi, bahkan mengambil kira aspek kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat. Hari ini, matlamat pembangunan mampan semakin penting disebabkan peningkatan pelbagai isu mengancam keseimbangan alam sekitar.

Sebagai negara membangun, Malaysia juga komited menyokong matlamat pembangunan mampan, sekali gus menzahirkan iltizam menjadi negara terus membangun secara mampan seiring pengalihan ekonomi adil, saksama dan inklusif.

Ini digariskan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 diwartakan pada 2019 sebagai panduan kepada hala tuju negara. Malah melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), lonjakan kemampan diangkat sebagai tema utama bagi memastikan kebolehpayaan negara dalam menghadapi cabaran semasa dalam konteks global dan domestik.

Lonjakan kemampan memberi tumpuan kepada mempercepat pertumbuhan hijau serta mempertingkatkan kemampan tenaga dan mentransformasi sektor air. Inisiatif ini juga memberi pertimbangan kepada amalan ekonomi dan gaya hidup lebih mampan serta menghargai khazanah semula jadi dan kesihatan alam sekitar.

Tidak dinafikan penentu kejayaan hasrat kerajaan ini menuntut pembabitan dan sokongan mantap semua pihak, termasuk agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dalam hal ini, institusi pendidikan tinggi (IPT) seharusnya tidak ketinggalan berperanan penting dalam membantu negara untuk mencapai hasrat digariskan. Malah, IPT sebenarnya perlu menggalas tanggungjawab lebih besar dalam membantu kerajaan merealisasikan SDG disebabkan fungsi dan kelebihan sebagai institusi memfokuskan pembentukan modal insan serta pengembangan ilmu.

Yang pasti, IPT mampu untuk membawa impak positif berdasarkan beberapa faktor utama.

Pertama, melalui fungsinya sebagai hab penyelidikan meneroka, menjana dan menyebarkan ilmu. Ini bermakna penyelidikan dijalankan di IPT dapat memberi manfaat kepada mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan negara kepada industri, kerajaan, komuniti dan persekitaran melalui peningkatan pemahaman serta penemuan ilmu dan inovasi baharu berkaitan kelestarian.

Kedua, melalui program akademik dengan memastikan setiap kursus dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mempunyai elemen pembangunan mampan. Ini akan membantu generasi akan datang

untuk lebih cakna dan berilmu berkaitan kepentingan kelestarian serta bagaimana mereka boleh menyumbang.

Ketiga, melalui program jaringan bersama industri dan masyarakat. Program jaringan memerlukan pembabitan pelajar ini akan membentuk modal insan berkualiti, mempunyai atribut serta nilai sayangkan alam sekitar, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara lebih mampan.

Keempat, melalui inisiatif dilaksanakan IPT dalam aspek tadbir urus, komitmen sumber manusia dan kewangan serta amalan terbaik berkaitan kelestarian dalam kampus. Ini termasuk aspek infrastruktur, penggunaan sumber tenaga, inisiatif pengurangan dan rawatan sisa buangan, penggunaan air serta emisi gas daripada sistem pengangkutan.

Selari kepentingan pembangunan mampan, beberapa penarafan dibangunkan pada peringkat global dalam usaha mengukur sejauh mana universiti menyumbang ke arah pembangunan lestari.

Satu daripada penarafan disertai lebih 900 universiti dari serata dunia ialah UI-GreenMetric World University Ranking. Melalui penarafan antarabangsa ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) contohnya berjaya mengekalkan kedudukan sebagai universiti paling lestari di negara ini selama 12 tahun berturut-turut.

Pada tahun ini, UPM juga berjaya meningkatkan kedudukan dunia pada tangga ke-27 dalam *Top 50 Sustainable Universities in The World* dan disenaraikan sebagai universiti ketiga terbaik di Asia.

Kejayaan UPM ini sebenarnya menuntut komitmen tinggi semua pihak. UPM sentiasa memastikan kejayaan akademik, penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pengantarabangsaan mampu memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kemakmuran serta pembangunan negara, selain kesejahteraan manusia sejagat secara keseluruhannya.

Sebagai contoh, Pelan Strategik UPM 2021-2025 secara jelas menggariskan UPM akan bersama menjayakan pelaksanaan WKB 2030. Dalam hal ini, ia boleh dilihat paling menonjol dengan matlamat keempat dan kelima melalui objektif strategik ketujuh dalam pelan strategik.

Matlamat keempat ialah memperkasakan pertanian demi menjayakan keselamatan makanan negara. Dalam konteks WKB 2030, pertanian pintar dan bernilai tinggi menjadi antara 15 aktiviti pertumbuhan ekonomi utama.

Sementara itu, matlamat kelima melalui objektif strategik ketujuh pula memberi tumpuan kepada membudayakan amalan kelestarian hijau untuk pembangunan mampan.

UPM mempunyai pelan tindakan pembangunan kampus hijau dan lestari meliputi aspek perancangan pelan struktur, persekitaran dan landskap, bangunan, pengurusan tenaga serta pembangunan hartanah untuk kesejahteraan warga UPM dan masyarakat setempat.

Contohnya, projek pemasangan sistem solar di UPM yang juga projek solar terbesar di IPT, akan mengurangkan 14,655 tan metrik karbon dioksida setahun dan penjimatan bil elektrik sebanyak RM114 juta untuk tempoh 25 tahun.

Sebagai menara ilmu, IPT perlu menjadi jaguh dalam menterjemahkan konsep pembangunan mampan ini demi kesejahteraan sejagat. Dalam hal ini, IPT perlu mempertingkatkan komitmen dalam mendukung usaha kelestarian.

Ia perlu bermula dengan dedikasi pengurusan tertinggi universiti dan perincian tindakan dalam pelan strategik masing-masing. Pengajaran dan penyelidikan pula perlu memberi fokus kepada pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar, manakala aktiviti dijalankan bersama pelajar perlu memberi impak kepada pembentukan komuniti cakna mengenai penjagaan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.



UPM berjaya kekal kedudukan sebagai universiti paling lestari di negara ini 12 tahun berturut-turut.

(Foto hiasan)

## IPT boleh tentukan belajar secara maya atau fizikal



IPT perlu mempunyai kapasiti untuk menampung bilangan pelajar yang hadir secara fizikal. (Foto hiasan)

**Putrajaya:** Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi (IPT) secara hibrid atau dalam talian adalah dibenarkan, tertakluk kepada keputusan pihak universiti itu sendiri.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam kenyataan semalam, memaklumkan IPT juga perlu mempunyai kapasiti untuk menampung bilangan pelajar yang hadir secara fizikal dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) PdP yang ketat.

Ia susulan pengumuman kerajaan yang membenarkan kemasukan pelajar IPT di bawah KPT ke kampus secara berperingkat mulai 1 Mac ini, dengan jumlah kemasukan 70 hingga 100 peratus mengikut ka-

pasiti IPT masing-masing.

"Keputusan ini dibuat bagi memberi fleksibiliti kepada IPT dalam menentukan mod pembelajaran sesuai, selain memberi peluang pelajar untuk mengenali dan menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran dan kehidupan dalam kampus," kata Kementerian berkenaan.

KPT turut memberi jaminan aspek keselamatan dan kesihatan pelajar menjadi keutamaan dalam proses kemasukan dan keberadaan mereka di kampus serta akan memastikan kemasukan pelajar ke kampus berjalan lancar.

Pelajar yang pulang ke kampus diminta terus mengamalkan penjarakan fizikal dan kebersihan diri, manakala aktiviti su-

kan dan riadah perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan (KKM).

Antara SOP ditetapkan KPT dan KKM adalah pelajar serta staf yang lengkap dan tidak lengkap vaksinasi, dibenarkan masuk ke kampus, namun mereka yang tidak lengkap vaksinasi perlu membuat ujian saringan Tindak Balas Berantai Polimerase (RT-PCR) dan berkeputusan negatif tiga hari sebelum masuk ke kampus.

Untuk maklumat lanjut, pelajar dan ibu bapa boleh menghubungi Bilik Gerakan COVID-19 KPT di talian 03-88706777/6949/6623/6628, melayari laman web IPT atau menghubungi pegawai penyelaras IPT masing-masing. BERNAMA

# Graduan perlu kreatif cipta peluang pekerjaan

Oleh Intari Syazlina Mohd Ali  
bhrencana@bh.com.my



Penolong Pendaftar  
Kanan Akademi  
Pembangunan PKS  
dan Keusahawanan  
Malaysia (MASMED),  
Universiti Teknologi  
MARA (UiTM)  
Shah Alam

**Graduan** diingatkan tidak menjadikan bidang perniagaan pilihan terakhir untuk mereka mencari sumber pendapatan.

Kini ramai graduan terjejas teruk dan kebanyakan yang terkesan, terpaksa mengambil jalan memulakan perniagaan demi sesuap nasi.

Sama ada menjadikan perniagaan pilihan terakhir sumber pendapatan, sekadar minat atau menjadikan perniagaan sebagai kerjaya, yang penting adalah menetapkan hala tuju sebelum memilih perniagaan sebagai satu bidang kerjaya.

Mendepani fasa endemik, graduan perlu memastikan perancangan kewangan lebih realistik dan bermakna. Ini kerana cabaran besar graduan sekarang adalah menguruskan kewangan.

Cabaran dan ketidakpastian masa kini menuntut mereka memikir semula, memulih dan membuat penambahbaikan berterusan dalam mengurus kewangan.

Memahami kesukaran bagi yang terjejas dan berhasrat memulakan perniagaan khususnya melalui platform digital, mendorong graduan menjadi lebih proaktif mencari peluang yang membolehkan lebih

ramai golongan muda berupaya mencipta produk berinovasi dan bekerja sendiri.

Graduan perlu menggunakan medium internet atau perniagaan dalam talian dengan baik. Mereka boleh beroperasi dari mana-mana sahaja sama ada di rumah atau luar rumah, pada waktu khusus atau antara waktu lapang yang mereka miliki, menggunakan modal perniagaan yang tinggi atau sebaliknya.

Kebanyakan graduan kini tidak tahan cabaran, cepat mengalah serta tidak mampu bertahan dalam jangka masa panjang. Bagi mendukung kelestarian agenda keusahawanan, Pelan Tindakan Keusahawanan (PTK) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2021-2025 dan MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE) digerakkan.

Majlis Keusahawanan Pendidikan Tinggi Nasional (MKPTN) turut diaktifkan semula dengan pelantikan 30 ahli baharu. Bagi membantu meningkatkan kemahiran dan mengembangkan perniagaan mahasiswa, MoHE-Shopee: Siswa Mall dilancarkan pada 25 November 2021 dan bakal memanfaatkan 5,000 graduan.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga menawarkan pendaftaran syarikat percuma kepada graduan bagi menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan.

Ketika dalam pengajian, Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai contoh menyediakan dana sebagai galakan kepada pelajar memulakan pernia-

gaan, pinjaman sehingga RM3,000 daripada Tabung Keusahawanan Siswa.

Untuk berkecimpung dalam perniagaan tidak kira dalam talian atau secara tradisional menuntut graduan memiliki kemahiran. Mampu berkomunikasi dengan baik, mempunyai kemampuan penyelesaian masalah, serta kreatif dan inovatif antara beberapa contoh kemahiran insaniah harus dimiliki.

Perkembangan dunia digital tidak menutup kemungkinan terjadinya kolaborasi baharu pelbagai bidang pekerjaan dalam perniagaan. Malah kini, masyarakat sudah menerapkan teknologi digital dalam pelbagai aspek kehidupan mereka.

Jenis perniagaan yang sebelumnya tidak pernah terfikir, akan muncul seiring keperluan masyarakat terhadap kemajuan bidang teknologi terbabit.

Kesimpulannya, mendepani situasi semasa, strategi pekerjaan perlu berubah. Justeru, graduan perlu kreatif mencipta pekerjaan atau perniagaan.

Untuk itu, graduan perlu diberi pendedahan dan bimbingan sebelum tamat pengajian bagi menghadapi risiko akan datang.

Pendedahan pengetahuan dalam perniagaan menjadikan pelajar lebih kreatif dan inovatif mencipta pekerjaan.

Graduan tidak perlu tergesa-gesa mencari pekerjaan, sebaliknya menjadi pencipta peluang pekerjaan.

## Pembelajaran secara maya gugat nilai murni pelajar IPT

Oleh Noor Syahida Md Soh  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian  
Islam Kontemporari  
Pusat Asasi Universiti  
Teknologi MARA  
(UiTM) Cawangan  
Selangor

Selepas hampir dua tahun negara kita mendepani cabaran COVID-19, masyarakat dilihat mula terbiasa dengan kehidupan norma baharu. Walaupun kes terus meningkat saban hari, masyarakat kini keluar bekerja serta menjalani rutin harian dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Kesan kehidupan ini bukan hanya dilihat dari aspek ekonomi, malah turut memberi impak kepada aspek pendidikan di Malaysia, terutama bagi pendidik di universiti sama ada awam atau swasta.

Sebelum wujud wabak ini, pendidik mungkin kurang terdedah dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya atau ODL (*Online Distance Learning*).

Kini, selepas pelaksanaan ODL menginjak tahun ketiga, pendidik tidak lagi canggung menguruskan peranti, laman sesawang dan aplikasi memudahkan proses PdP.


Dari sudut berbeza, kerjasama daripada pelajar untuk memastikan proses PdP dapat dijalankan mengikut jadual, amat dituntut. Interaksi dua hala di antara pelajar dan pendidik dapat memastikan perjalanan ODL lancar serta berkesan.

Namun, apa yang menjadi kebimbangan pendidik di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah mengenai peminggiran nilai murni dalam kalangan pelajar.

Ketika penggunaan pelbagai peranti menjadi ke-

perluan mendesak pada masa kini, terdapat segelintir pelajar masih belum dapat memanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan pembelajaran secara ODL.

Isu disiplin serta etika pelajar dalam menghadapi proses PdP secara maya ini memberikan cabaran kepada pendidik. Realitinya, terdapat segelintir pelajar bersikap sambil lewa menghadirkan diri ke kuliah ODL.



PdP secara maya menuntut pelajar IPT lebih berdisiplin dan beretika untuk hadiri kuliah.  
(Foto hiasan)

Antara faktor yang menyumbang kepada sikap pelajar ini adalah pendedahan yang meluas terhadap penggunaan media sosial menerusi peranti mudah alih dan mudah mengakses pelbagai laman sesawang tidak berkaitan.

Pelaksanaan tugas juga sukar untuk dilakukan secara berkumpulan sehingga memberi kesan kepada pencapaian objektif pembelajaran, serta penerapan nilai murni yang ditetapkan bagi sesuatu kursus.

Cabaran penerapan nilai murni ini memberi kesan kepada agenda universiti dan negara untuk melahirkan pelajar serta graduan masa hadapan yang berdaya maju.

Melihat kepada impak COVID-19 dari pelbagai sudut, pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menekankan kepada pelaksanaan perubahan dan transformasi negara untuk mendepani cabaran COVID-19.

Di antara strategi RMK-12 yang menjurus kepada transformasi agenda pendidikan negara adalah untuk membangunkan bakat masa hadapan dengan menambah baik hasil pembelajaran.

Selain daripada pencapaian akademik, penekanan juga dibuat terhadap pemupukan nilai murni, sikap dan tingkah laku baik dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, pelan strategik jangka pendek dan panjang akan dikaji semula untuk memupuk nilai dan membangunkan karakter pelajar secara menyeluruh.

Oleh itu, pihak pentadbiran universiti, pendidik, serta pelajar perlu bekerjasama dan berperanan untuk mengambil langkah lebih berkesan bagi mendepani cabaran peminggiran nilai murni susulan pelaksanaan ODL.

## AMAL SIFAT TAWADUK

## Buang egomu wahai manusia



Bersama  
**Prof Madya  
Dr Azlan Shaiful  
Baharum**



ehidupan di dunia ini hanya datang sekali. Baik buruk seorang manusia, akan dinilai melalui semua perilaku dan perbuatannya di alam fana ini. Sama ada baik atau buruk, bergantung kepada apa yang diusahakan mereka setiap hari. Ini termasuk akhlak dan peribadi, sikap dan tingkah laku.

Antara perkara yang selalu membezakan seorang individu dengan individu yang lain ialah adakah tawaduk atau takbur seseorang itu dalam melayari hidupnya. Tak kira kepada dirinya, pasangannya, keluarganya atau orang sekelilingnya.

Perkataan tawaduk berasal daripada bahasa Arab yang membawa makna sikap dan perbuatan manusia yang mencerminkan kerendahan hati, tidak sombong dan tidak mudah tersinggung. Sikap tawaduk tertera dalam al-Quran **Surah al-Furqan ayat 63**: "Dan hamba Tuhan yang Maha Penyayang itu (ialah) orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata (yang mengandung) keselamatan."

Satu sifat yang sangat mulia, namun amat sukar untuk dimiliki oleh seseorang. Percaya atau tidak, perkara itu memang tidak dapat dinafikan. Kebanyakan kita berasa amat sukar untuk memahat apatah lagi menyemai subur sifat ini dalam diri. Namun, itu bukanlah alasan untuk kita mengatakan bahawa sifat ini mustahil ada dalam diri manusia. Bak kata pepatah Melayu 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih'.

Mendidik diri agar memiliki sifat rendah diri ini bukanlah perkara yang mudah untuk dilakukan terutama apabila berdepan dengan mereka yang kita anggap lebih rendah ilmu atau pangkat daripada kita. Berbanding orang yang hebat daripada kita, boleh pula kita merendahkan diri. Sepatutnya ini tidak berlaku kerana kita semua makhluk Allah SWT dan hamba-Nya. Allah SWT tidak memandang kepada pangkat dan darjat, tetapi melihat tahap ketakwaan dan keimanan seseorang.

Oleh itu menerapkan sifat ini dengan mengakui kebenaran dan menerima kebenaran walaupun pahit dan sukar ditelan, tiada rasa



ORANG tawaduk tidak pernah menganggap dirinya lebih tinggi daripada orang lain dalam pergaulan seharian.



**Dan hamba Tuhan yang Maha Penyayang itu (ialah) orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata (yang mengandung) keselamatan"**

**Surah al-Furqan ayat 63**

sombong dengan segala yang dimiliki dan rela hati serta reda kerana dapat menerima kebenaran. Ini semua asbab terhasil daripada 'halawatul iman' atau kemanisan iman.

#### Beberapa pandangan ulama berkaitan sifat tawaduk yang hebat ini

- Bersikap tenang, sederhana dan bersungguh-sungguh serta menjauhi perbuatan takbur (sombong). Tawaduk adalah sifat orang Mukmin terutama golongan as-siddiqin (yang membenarkan ajaran agama Islam).
- Orang yang patuh dan taat menerima yang benar serta menerima kebenaran itu walau daripada sesiapa pun tanpa mengira darjat atau kedudukan seseorang.
- Tidak pernah menganggap dirinya lebih tinggi daripada orang lain. Orang yang tidak pernah mendabik dada, orang yang bersifat lemah lembut dan hormat kepada sesiapa saja termasuk orang miskin dan tidak berpangkat.
- Mempunyai sifat yang tegas dan hanya menerima perkara yang hak serta menolak bulat-bulat perkara yang batil dan sesat.

**Antara perilaku orang yang**

#### memiliki sifat tawaduk

1. Mudah menerima pandangan orang lain walaupun beliau ada pandangannya sendiri

Beliau tidak mempunyai apa-apa masalah dalam menerima pandangan orang yang lebih muda ataupun orang yang lebih rendah pangkatnya.

Sabar dalam perbincangan, tidak mudah marah atau emosional, lebih menjaga suasana harmoni dalam perbincangan daripada bertegang leher dengan rakan.

2. Tidak memilih-milih kawan, boleh bergaul dengan semua orang, tidak kira sama ada orang bawahan atau orang atas, kaya atau miskin, sihat atau sakit. Malah boleh duduk bermesra dalam satu majlis dengan sesiapa yang pernah mengkritiknya.

3. Saling menghormati, sekiranya berjawatan, dia menghormati orang bawahannya. Sekiranya kaya, dia sangat memuliakan orang yang fakir dan miskin.

4. Dalam pergaulan, lebih suka menjadi pendengar dan hanya akan bercakap apabila perlu sahaja, tidak sewenang-wenangnya akan memotong percakapan orang lain sebaliknya memberi peluang orang itu menghabiskan percakapannya.

5. Jika ada sesuatu kebenaran yang hendak dipertanyakan, dia lebih suka kebenaran itu keluar daripada mulut orang lain. Lebih-lebih lagi, jika ada orang yang lebih berpengalaman atau berilmu.

6. Kalau diminta memberi pendapat dan pendapatnya diterima orang, tidak mendabik dada sebaliknya bersyukur. Jika pendapatnya ditolak, berlapang dada dan tidak berkecil hati.

7. Mudah memberi maaf kepada orang yang tersilap dengannya. Dia tidak mudah memarahi atau menghina orang itu.

8. Segera meminta maaf jika

berlaku kesilapan daripadanya sekalipun kepada orang yang lebih rendah daripadanya dari segi jawatan atau umur.

9. Tidak meninggi diri dengan menceritakan kelebihan yang ada pada dirinya. Sebaliknya dia lebih suka menceritakan kebaikan orang lain sebagai teladan.

Allah SWT berfirman: "Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang yang mengikutimu iaitu orang yang beriman." **Surah asy-Syu'ara: 215**

Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya Allah mewahyukan kepadaku agar kalian merendahkan diri sehingga seseorang tidak menyombongkan diri atas yang lain dan tidak berbuat zalim kepada yang lain." **Hadis sahih Riwayat Muslim no 2588**

Jika anda semua berkeinginan tinggi untuk memiliki sifat tawaduk ini siapakah yang akan menjadi ikutan terbaik anda? Tidak lain tidak bukan, manusia yang paling tinggi sifat tawaduknya sudah tentulah junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ia bersesuaian dengan firman Allah SWT: "Sesungguhnya telah ada bagi diri kalian pada diri Rasulullah SAW teladan yang baik." **Surah al-Ahzab: 21**

Justeru, bersyukur lah kita ke hadirat Allah SWT kerana masih memberikan kita ruang dan peluang yang secukupnya untuk memperbaiki diri untuk menjadi hamba yang tawaduk zahir dan batin.

Semoga segala apa yang kita lakukan dalam hidup ini mendapat keredaan daripada-Nya serta tidak memberikan mudarat pada orang lain agar ia menjadi bekalan untuk menempah tempat di syurga fir-dausi-Nya kelak.

**Penulis Profesor Madya Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)**



4/11 Jumaat 18/2/22 h/56

## UiTM tangguh istiadat konvokesyen

**Shah Alam:** Universiti Teknologi Mara (UiTM) menangguhkan Istiadat Konvokesyen ke-93 yang dijadualkan pada 2 Mac sehingga 23 Mac ini susulan peningkatan kes jangkitan harian Covid-19.

Dalam satu kenyataan,

UiTM memaklumkan keputusan penangguhan berkenaan dibuat selepas Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU), kelmarin.

"Pihak universiti bersetuju untuk menangguhkan Istiadat Konvokesyen UiTM ke-93 yang dijadualkan bermula 2 Mac hingga

23 Mac ini yang melibatkan seramai 27,287 graduan.

"Penangguhan ini melibatkan UiTM Shah Alam, UiTM Cawangan Sarawak serta UiTM Cawangan Sabah dan konvokesyen ini dijangka akan dilaksanakan pada Jun hingga Julai depan.

"Keputusan ini dibuat berdasarkan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan keprihatinan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berikutan peningkatan jangkitan Covid-19 secara mendadak di seluruh negara," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, penangguhan terbabit juga mengambil kira keselamatan, kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan graduan

serta semua warga universiti.

"Pengurusan UiTM memohon maaf atas segala kesulitan dialami oleh graduan dan ibu bapa serta turut berasa kesal dengan situasi di luar kawalan ini dan amat menghargai kefahaman, sokongan serta kerjasama yang diberikan oleh semua pihak.

"UiTM akan terus memantau perkembangan wabak ini serta menyalurkan maklumat terkini dari semasa ke semasa," katanya.


Katanya, maklumat terkini mengenai penangguhan pelaksanaan istiadat konvokesyen berkenaan boleh dirujuk di konvokesyen.uitm.edu.my atau menghubungi talian 03-55443110 atau 03-55443114.



ISTIADAT Konvokesyen ke-93 ditangguhkan susulan peningkatan kes positif Covid-19.

Pembaca boleh menghantar aduan/cadangan/pendapat/  
gambar melalui forumutusan@mediamulia.com.my atau

019-990 0761



PIHAK sekolah dan ibu bapa boleh menjadikan perpustakaan sebagai salah satu destinasi sekiranya membawa pelajar atau anak-anak ke kampus universiti.

## Bawalah anak-anak lawat universiti

### SAUDARA PENGARANG,

**SAHAL** satu inisiatif tempat lawatan kepada murid atau anak-anak yang boleh dipertimbangkan ialah universiti. Universiti merupakan satu kawasan yang warganya mengejar ilmu tidak mengira masa sama ada siang atau malam.

Saya percaya, anak-anak terutama pelajar sekolah akan memperoleh pengalaman baharu yang dapat memberi mereka motivasi untuk belajar bersungguh-sungguh bagi melanjutkan pengajian di menara gading.

Banyak tempat menarik yang boleh dilawati dalam kampus universiti. Salah satu daripadanya ialah perpustakaan. Perpustakaan merupakan nadi kepada sesebuah universiti dan ia berfungsi untuk menyokong kurikulum dan penyelidikan fakulti serta mahasiswa.

Saya percaya, pustakawan akan gembira dan berbesar hati untuk melayan dan menerangkan kemudahan yang terdapat dalam perpustakaan. Malah terdapat perpustakaan universiti yang membuka keahlian kepada pihak luar terutama pelajar sekolah.

Dalam perpustakaan, pelajar dapat melihat mahasiswa menyiapkan tugas, tekun mengulang kaji pelajaran atau berbincang dengan rakan kuliah. Pelajar juga boleh melihat koleksi buku, majalah dan jurnal dalam pelbagai bidang yang terdapat di rak-rak dalam perpustakaan.

Mereka juga boleh melawat fakulti atau sekolah yang terdapat di sesebuah kampus. Mereka boleh melihat bagaimana mahasiswa mengikuti kuliah, menjalankan eksperimen di makmal, memerah otak di bilik tutorial,

berbincang di gazebo dan melaksanakan rutin sebagai mahasiswa. Pelajar juga boleh berinteraksi dengan mahasiswa tentang pengalaman sebagai pelajar universiti yang akan memberi inspirasi kepada mereka untuk bergelar mahasiswa juga pada suatu hari kelak.

Mereka juga boleh melihat ruang pembelajaran yang lengkap dengan peralatan canggih dan terkini dengan pelbagai susun atur bagi memenuhi keperluan pelajar.

Semasa lawatan, pelajar sekolah boleh didedahkan kepada pemenang Nobel Laureate yang kebanyakannya merupakan ahli akademik universiti yang menjalankan penyelidikan berimpak besar dalam bidang tertentu.

Terdapat Institut penyelidikan yang menawarkan lawatan bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat sendiri eksperimen atau kajian tertentu yang dilaksanakan.

Masjid yang terdapat dalam kampus juga merupakan sumber ilmu kepada warga kampusnya menarik untuk dilawati. Selain merupakan tempat beribadah, masjid universiti juga berperanan menganjurkan tazkirah, kelas agama, qiamullail dan program-program pengimaran masjid.

Akhir sekali, jangan lepaskan peluang ke kedai penerbit universiti untuk melihat karya ilmiah yang dihasilkan oleh cendekiawan universiti.

**PROFESOR MADYA DR. ABDUL HALIM  
ABDULLAH**

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

# Bergelar seorang arkitek

Mohd Rozaiemi kongsi 6 kemahiran yang perlu dimiliki

"Untuk menjadi seorang arkitek yang berkredibiliti, mereka perlu memiliki beberapa kemahiran dalam diri masing-masing,"

demikian menurut Mohd Rozaiemi Mohd Sukeri, 38, seorang arkitek yang kini berkhidmat dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Ujarnya, sifat diri seperti rajin, fokus, disiplin, kreatif, inovatif dan boleh melukis wajib ada pada mereka yang menceburi kerjaya tersebut.

"Rajin pada pandangan saya adalah rajin berusaha, membaca, melukis dan mewarna, melakukan penyelidikan dan meneroka berkaitan ilmu seni bina.

"Fokus pula adalah kemahiran yang memberi tumpuan sepenuhnya dalam bidang lukisan kesenibinaan," katanya yang berpengalaman lebih 12 tahun dalam dunia arkitek.

Sambungannya lagi, dalam pada itu disiplin adalah antara sifat diri yang perlu dititikberatkan dalam kerjaya tersebut untuk menepati masa tugas serta tarikh akhir dengan pelanggan juga mematuhi segala peraturan di bawah amalan seni bina.

"Bergelar arkitek ini, mereka juga perlu ada skil kreatif iaitu kebolehan merancang, mereka bentuk, mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea atau konsep berkaitan seni bina.

"Arkitek juga perlu sentiasa inovatif yang boleh dilihat melalui proses pengubahsuaian atau penambahbaikan dalam bentuk sistem atau prosedur cara kerja mahupun pengenalan teknologi.

"Misalnya, dahulu kaedah penyediaan lukisan reka bentuk adalah secara manual, sekarang ia dilakukan secara digital menggunakan perisian 2D Autocad manakala terkini, penggunaan sistem perisian 3D BIM iaitu proses mereka bentuk dan butiran hanya mengambil masa singkat



Kenangan Mohd Rozaiemi (tengah) semasa pemeriksaan bersama pihak kontraktor di tapak projek Masjid Al-Isma'ili

untuk disediakan serta wujudnya 3D visual/animasi dengan konsep yang lebih realistik," katanya.

Kemahiran terakhir, kata Mohd Rozaiemi adalah melukis.

"Skil melukis diperlukan oleh seorang arkitek bagi menggambarkan terus kehendak pelanggan dengan menyediakan konsep lakaran awal seperti pelan susun atur ruang, reka bentuk bumbung, ketinggian dan fasad bangunan tanpa skala tetapi berkadar (proportion) sebelum penyediaan lukisan terperinci bangunan dilakukan untuk proses selanjutnya," ujarnya.

## Cara mendapat idea

Ditanya mengenai idea, graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda Senibina (Kepujian), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, ini berkata, setiap arkitek ada cara yang tersendiri.

"Bagi saya di mana-mana sahaja boleh mendapat idea, yang pasti faktor sekeliling juga membantu.

"Untuk mendapatkan idea dan reka bentuk yang sempurna, sebagai arkitek, anda perlu ke tapak cadangan bagi menganalisis serta mengetahui kesesuaian, kekuatan, kelemahan, potensi juga konstrain tapak tersebut," kata anak sulung daripada enam adik-beradik ini.

Selain kemahiran dan sifat diri yang positif, seorang arkitek juga perlu jelas dan tahu tentang tugasnya dalam kerjaya tersebut.

"Tugas seorang arkitek ialah mereka bentuk sesuatu bangunan yang sesuai dengan kehendak pelanggan, kos, alam sekitar dan memenuhi syarat-syarat, undang-undang serta akta perancangan setempat.

"Kerjaya ini bermula apabila diminta untuk menasihati atau menjadi tempat rujukan mengenai proses pembinaan sesuatu projek berdasarkan kepada tiga peringkat, pertama, mereka bentuk bangunan iaitu menganalisis keperluan pelanggan dan lokasi yang dicadangkan sebelum menyediakan lukisan-lukisan lakaran ke arah skematik reka bentuk dengan konsep bangunan yang sesuai.

"Peringkat kedua pula merancang atau pengeluaran iaitu menyediakan pelan-pelan terperinci untuk kelulusan pihak-pihak berkuasa tertentu dan seterusnya membuat lukisan kerja untuk memudahkan aktiviti pembinaan di tapak.

"Peringkat ketiga, mengurus projek iaitu mengawasi dan menyelia kerja semasa pembinaan. Arkitek akan bertindak sebagai ketua kumpulan menyelaras tugas pakar-pakar perunding serta pihak kontraktor yang terlibat. Pada masa yang sama mereka juga merupakan penasihat dan menjadi orang tengah atau perantara di dalam perkara-perkara yang melibatkan tuan bangunan dengan pihak kontraktor seperti spesifikasi, mutu kerja, sijil pembayaran dan perkara lain yang berkaitan," jelasnya lanjut.

Pada keseluruhannya, seorang arkitek seharusnya dapat memberi khidmat terbaik di dalam reka bentuk bangunan serta menentukan bahawa kerja pembinaannya bermutu dan dapat disiapkan mengikut jangka masa, kualiti dan kos yang telah dirancang.

Akhir sekali, Mohd Rozaiemi memasang impian mahu menjadi seorang arkitek dan penjawat awam yang boleh mengubah sesuatu ke arah perancangan lebih mampan dan berinovasi kepada pembangunan negeri.

Juga mendominasi konsep rekaan sendiri dan mengekalkan ciri-ciri warisan seni bina tempatan dengan cara kerja lebih efisien serta merealisasikan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan oleh semua pihak.

## Info

## 10 sifat yang perlu ada pada seorang arkitek

**1 PROFESIONAL**  
Menjaga penampilan dan sikap, sentiasa menggunakan kepakaran, kecekapan atau kemahiran dalam bidang mengikut hak tatacara di bawah peraturan dan perundangan profesion tersebut.

**2 BENAR**  
Perlu mempunyai sifat benar dalam percakapan dan perbuatan kerana berkhidmat sebagai penasihat mengikut amalan kesenibinaan.

**3 AMANAH**  
Memunyai sifat jujur dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas.

**4 BIJAKSANA**  
Sifat bijaksana perlu dimiliki dalam memberi keputusan yang adil untuk perancangan yang lebih tepat dan berkesan.

**5 MENYAMPAIKAN**  
Menyampaikan segala tugas berlandaskan peraturan dan perundangan dalam mencapai hasrat pelanggan.

**6 CERDAS**  
Badan sentiasa bertenaga dan sihat, akan dapat melahirkan pemikiran yang sempurna akalnya.

**7 SABAR**  
Sentiasa bersabar dengan pelbagai ragam pelanggan dan kontraktor.

**8 HORMAT**  
Merendah diri dengan menunjukkan rasa khidmat atau takzim kepada semua orang, kejiranan dan kehidupan alam.

**9 BERTAWAKAL**  
Berserah kepada Tuhan setelah berikhtiar dan tawakal. Kita hanya perlu berusaha, bersabar dengan segala ketentuan rezeki ALLAH SWT.

**10 BERSYUKUR**  
Sentiasa bersyukur terhadap sesuatu ganjaran, nikmat yang dianugerahkan oleh ALLAH.



Tugas seorang arkitek ialah mereka bentuk sesuatu bangunan yang sesuai dengan kehendak pelanggan, kos, alam sekitar dan memenuhi syarat-syarat, undang-undang dan akta perancangan setempat."

- Mohd Rozaiemi

# 7 BANGUNAN IKONIK DI DUNIA

Terap pelbagai konsep unik, moden dan berteknologi tinggi

**M**elihat kepada menara pencakar langit dan seni bina moden yang ada di dunia pada hari ini sudah tentunya menimbulkan rasa kagum dengan idea yang dihasilkan arkitek, seterusnya diterjemahkan menjadi realiti oleh pasukan pembinaan yang terlibat.

Jika menyorot kepada senarai bangunan dan menara ikonik yang dibina beratus tahun dulu pastinya tergambar Piramid Giza di Mesir, Colosseum di Rom, Itali atau Menara Eiffel di

Paris, Perancis.

Kecanggihan teknologi yang ada hari ini pula membolehkan lebih banyak bangunan berkonsepkan moden dan berteknologi tinggi di bina di serata dunia seperti Burj Khalifa di Dubai yang menjadi menara tertinggi di dunia.

Bersesuaian dengan topik seni bina yang diketengahkan *Sinar Bestari* minggu ini, kami kongsikan tujuh bangunan ikonik di dunia yang menerapkan konsep unik, moden dan berteknologi tinggi untuk tatapan pembaca.

## Burj Khalifa, Dubai

BURJ KHALIFA mempunyai ketinggian 828 meter atau bersamaan dengan 160 tingkat. Pembinaan Burj Khalifa bermula pada 2004 dan dibuka secara rasmi pada 4 Januari 2010. Firma Skidmore, Owings dan Merrill, LLP (Chicago) telah bertanggungjawab dalam membina bangunan megah ini.

Kini, Burj Khalifa menjadi pusat projek pembangunan pelbagai kegunaan secara besar-besaran yang merangkumi 30,000 buah rumah, sembilan buah hotel termasuklah Hotel The Address Downtown Burj Dubai, kawasan taman seluas tiga hektar, sekurang-kurangnya 19 buah menara perumahan, pusat beli-belah Dubai Mall dan Tasik Burj Khalifa buatan manusia seluas 12 hektar.



## Menara Merdeka 118, Kuala Lumpur

MENARA Merdeka 118 menjadi bangunan kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa dan tertinggi di Asia Tenggara.

Nama Merdeka dipilih bersempena lokasinya yang terletak berhadapan tapak warisan Stadium Merdeka yang menyaksikan detik sejarah terpenting bagi Malaysia iaitu pengisytiharan kemerdekaan pada tahun 1957.

Dari segi reka bentuk pula, puncak menara Merdeka 118 simbolik kepada bentuk tangan Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang dijulung tinggi ketika melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali manakala nombor '118' pula menandakan jumlah tingkat menara tersebut.




## Pusat Perdagangan Dunia Bahrain

BERKETINGGIAN 40 meter, mempunyai 50 tingkat, kompleks menara berkembar ini terletak di Manama, Bahrain. Direka oleh firma seni bina Atkins, pembinaan menara itu telah siap pada 2008. Ia merupakan bangunan pencakar langit pertama di dunia yang mengintegrasikan turbin angin ke dalam reka bentuknya. Turbin angin telah dibangunkan, dibina dan dipasang oleh syarikat Denmark Norwin Amerika Syarikat.

## The Amazon Spheres, Amerika Syarikat

THE AMAZON Spheres ialah tiga konservatori sfera yang terdiri daripada sebahagian daripada ibu pejabat Amazon di Seattle, Washington, Amerika Syarikat. Direka oleh NBBJ dan firma landskap Site Workshop, tiga kubah kacanya berfungsi sebagai ruang istirahat pekerja dan ruang kerja. Kompleks ini dibuka kepada pekerja Amazon dan akses awam terhad pada 30 Januari 2018.



## Lapangan Terbang Antarabangsa Daxing, Beijing

SEBUAH lapangan terbang antarabangsa yang terletak di sempadan Beijing dar. Langfang, Wilayah Hebei. Lapangan terbang ini adalah lapangan terbang antarabangsa kedua Beijing dan popular dengan nama 'starfish' kerana reka bentuknya seakan-akan tapak sulaiman. Ia telah siap dibina pada 30 Jun 2019 dan mula beroperasi pada 26 September 2019.



## Apple Park, California


APPLE Park ialah ibu pejabat korporat Apple Inc yang dibuka kepada pekerja pada April 2017. Rekaan bangunan berbentuk bulat ini mendapat nama samaran 'The Spaceship' dan berkeluasan 360 ekar. Ia menempatkan lebih 12,000 pekerja dalam satu bangunan bulat empat tingkat seluas kira-kira 0.26 km<sup>2</sup> (64 ekar).



## Marina Bay Sands, Singapura

MARINA BAY Sands merupakan sebuah resort berintegrasi yang berhadapan dengan Teluk Marina di Singapura. Tempat ini dibangunkan oleh Las Vegas Sands dan dikatakan antara hartanah berbentuk kasino yang termahal di dunia. Dibuka secara rasmi pada 23 Jun 2010 dan mempunyai 2,561 bilik.

## PUPUK MINAT BIDANG TEKNOLOGI

Ayuh anak muda pacu  
kegemilangan umatBersama  
Mohd Rizal  
Azman Rifin

Banyak institusi pengajian tinggi yang mengkhusus kepada bidang teknologi, namun jumlah kemasukan pelajar ke jurusan itu masih kecil

Ilmu pengetahuan adalah asas pembangunan membentuk ketaamadunan negara dan umat. Tanpa ilmu pengetahuan yang kukuh dan berkualiti, sesebuah negara atau bangsa ketinggalan dalam banyak segi kehidupan.


Dunia hari ini adalah dunia yang mengutamakan ilmu pengetahuan. Atas sebab itulah, semua negara di dunia ini berlumba-lumba untuk mewujudkan pelbagai wadah demi menjadikan rakyat mereka warga yang berilmu pengetahuan. Hari ini juga menunjukkan tiada sebuah negara pun mahu tertinggal untuk muncul sebagai negara yang maju kerana pemimpin sedar bahawa rakyat yang berilmu itu akan menjadi aset paling berharga untuk memacu kejayaan pada masa depan.

Antara cabang ilmu yang perlu diberi penekanan oleh umat Islam khususnya generasi muda ialah ilmu berkenaan teknologi. Generasi muda Muslim tidak seharusnya memandang penuh fobia terhadap subjek teknologi dengan satu tanggapan bahawa ia adalah subjek killer yang menyukarkan pembelajaran.

Teknologi pada masa ini terlalu laju perkembangannya dan situasi itu tidak wajar sekadar menjadi bahan tontonan sahaja oleh umat Islam. Sedangkan umat lain sedang dilanda 'kemaruk ilmu' untuk terus menjadi negara dan pendahulu dalam bidang teknologi. Alhamdulillah kita bersyukur kerana di Malaysia terdapat banyak institusi pengajian pelbagai peringkat yang menjuruskan kepada pembelajaran ilmu teknologi.

Misalnya di Politeknik Malaysia yang sejak penubuhan sulungnya pada 1967 meletakkan ilmu dan kemahiran teknologi sebagai teras dan kebitaraannya. Jadi, dengan adanya institusi pendidikan yang berasaskan TVET- yakni 'Teknologi, Vokasional, Engineering dan Teknikal', sewajarnya direbut peluang terbuka itu buat anak muda.

Jadikanlah kehebatan generasi Muslim terdahulu yang begitu berjaya dalam bidang ini sehingga dikagumi oleh masyarakat Barat, malah segala hasil ciptaan dan idea ilmuwan Muslim dahulu menjadi pencetus buat mereka melakukan usaha penambahbaikan, lalu terhasillah pelbagai inovasi teknologi baharu.



BIDANG kejuruteraan pemangkin kemajuan negara.

Hal ini kerana apabila menyebut bidang kejuruteraan maka apa yang terlintas ialah ia produk 'air tangan' bangsa di negara maju. Sedangkan kita sekadar menjadi pengguna biasa.

Meskipun, banyak institusi pengajian tinggi yang mengkhususkan bidang pendidikan kepada bidang teknologi, namun kemasukan pelajar ke jurusan itu dalam jumlah yang masih kecil berbanding dengan kursus bidang ilmu yang lain. Contohnya, di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) Politeknik Malaysia pun masih mempunyai banyak 'kekosongan ruang belajar', tetapi tidak terisi kerana jumlah kemasukan pelajar baharu yang dikira masih rendah berbanding dengan kapasiti sebenar.

Situasi sebegini seharusnya ditangani dengan melakukan sesuatu tindakan dalam usaha menarik minat untuk mencari ilmu berasaskan teknologi supaya anak muda negara bakal menjadi 'aset emas' yang mampu membantu negara memacu pembangunan dalam pelbagai aspek. Sekaligus menjadi pemangkin kepada kemunculan era baharu negara dalam sektor industri. Betapa pentingnya pembelajaran dalam bidang ilmu teknologi dapat

kita susuli dengan memahami apa yang terkandung dalam Surah al-Hadid apabila Allah sendiri menyebut berkenaan 'besi'. Sebenarnya mungkin menerusi surah itulah menaikkan semangat umat Islam terdahulu yang begitu bersungguh-sungguh mencungkil rahsia berkenaan teknologi sehingga mereka mampu menghasilkan beraneka jenis inovasi yang mengagumkan dunia.

Allah berfirman yang bermaksud: "Dan Kami menurunkan besi, padanya ada kekuatan yang hebat serta berfungsi berbagai manfaat untuk manusia." **Surah al-Hadid ayat 25**

Ayat berkenaan bermaksud amat rugi seandainya kesungguhan ilmuwan dan saintis teknologi Muslim terdahulu tidak disambung kegemilangannya oleh generasi Muslim masa kini. Mungkin sebahagian kita sudah sedia mengetahui komitmen umat Islam dalam bidang kejuruteraan sudahpun terserlah semenjak zaman sahabat Rasulullah SAW.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab sudah ada usaha menggembelng idea dan tindakan yang berasaskan aplikasi kejuruteraan. Hal itu dapat dikesan menerusi usahanya menjayakan projek saliran dan terusan untuk mengalirkan air dari Sungai Furat. Terusan yang

diberi nama 'Terusan Abu Musa Asyari' dinamakan sempena sahabat yang ketika itu Gabenor Basrah. Terusan sepanjang 10 kilometer, jelas membuktikan umat Islam waktu itu mampu mengaplikasi ilmu kejuruteraan hidrologi dan kejuruteraan awam dengan berjaya.

Selain itu, satu lagi terusan yang dikenali sebagai Terusan Ma'akal dibina di bawah penyeliaan Ma'akal Ibnu Yasar. Terusan yang berteknologi air bawah tanah dilakukan di bandar Isfahan yang berlatarbelakangkan kawasan padang pasir. Idea teknologi terusan ini dinukilkan oleh seorang ahli sufi yang juga pakar dalam ilmu matematik bernama Syeikh Bahauddin al-A'mili. Umat Islam dahulu juga hebat dalam memperkenalkan kepakaran dalam kejuruteraan mekanikal menghasilkan banyak reka cipta dan peralatan berinovasi tinggi yang dikagumi.

Di negara Islam khususnya pada abad pertengahan telah muncul banyak ilmuwan dan cendekiawan Muslim yang berjaya menggarap pelbagai inovasi yang unggul malah menjadi perintis kepada kemunculan peralatan sains dan teknologi moden hari ini. Saya sendiri sebagai seorang pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di politeknik sedang bertanya kepada anak didik saya tentang kuliah, "Sebutkan beberapa nama ilmuwan Muslim yang terkenal dalam bidang kejuruteraan?" Mengejutkan, apabila mereka terlopong sahaja dan tambah menyedihkan kerana ada kalangan mereka bertanya saya kembali, "Encik, adakah ilmuwan Muslim dahulu hebat dalam bidang kejuruteraan ini?"

Soalan saya itu seolah-olah satu 'kejutan minda' buat mereka. Sepatutnya ilmu sejarah berkenaan keterbilangan saintis dan ilmuwan Muslim sudah sedikit sebanyak diketahui anak muda kita. Semoga fenomena fobia terhadap subjek sains dan kejuruteraan tidak berterusan. Amatlah rugi negara dan malang bagi umat Islam sekiranya generasi muda Muslim tidak mengambil ruang dan peluang dalam dunia pendidikan yang terbuka untuk semua pada masa ini. Mereka perlu ada sikap ingin maju dalam ilmu berasaskan sains serta teknologi yang dapat membangun dan memajukan negara ke arah kegemilangan pada masa depan.

**Penulis Pensyarah Kanan  
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal  
Politeknik Muadzam Shah**



## TVET: MELAHIRKAN PEKERJA BERKEMAHIRAN TINGGI

## Cabaran Malaysia lonjak ekonomi



Bersama  
**Mohd Rozaimy  
Ridzuan**



Terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi dan diatasi supaya TVET benar-benar membantu melonjakkan ekonomi negara berlandaskan pembangunan mampan

Kebanyakan negara di dunia memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi meningkatkan produktiviti dan memastikan ekonomi negara dapat terus bersaing di peringkat antarabangsa. Namun, Malaysia berada pada fasa kebimbangan yang ketara berikutan kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri. Majoriti pekerja Malaysia dikategorikan pekerja separuh mahir dan hanya kira-kira 28 peratus pekerja adalah pekerja berkemahiran tinggi. Malaysia berbaki kurang daripada lapan tahun untuk mencapai 35 peratus pekerja berkemahiran tinggi seperti termaktub di dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah institusi pendidikan berorientasikan kemahiran untuk meningkatkan jumlah modal insan berkemahiran tinggi dengan memberi penekanan terhadap amalan industri. TVET semakin mendapat liputan yang meluas kerana ramai pakar berpendapat institusi berkenaan mampu mendepani masalah makroekonomi seperti kemiskinan, pengangguran dan kekurangan tenaga buruh mahir.

Negara maju seperti Jerman, Korea Selatan dan Singapura menjadikan TVET sebagai tunjang kekuatan sistem pendidikan mereka. Di Jerman, lebih kurang 60 peratus pelajarannya belajar di sekolah vokasional. Korea Selatan, Singapura dan China terus memantapkan sistem pendidikan mereka dengan memberi penekanan dalam bidang TVET.

Di Malaysia, dua institusi TVET awam iaitu Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1964 untuk memberi latihan kemahiran kepada belia. Sejak itu, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional dan Institut Kemahiran Mara ditubuhkan untuk melahirkan modal insan yang berkaliber.

Kini, terdapat lebih 1,200 penyedia TVET awam dan swasta yang menyediakan pengajian serta latihan di peringkat sijil dan

diploma. TVET juga melalui pelbagai fasa transformasi dan tidak hairan mengapa TVET di Malaysia semakin mendapat tempat oleh golongan belia kini.

Antara, pembaharuan penting yang berlaku adalah kerajaan mengiktiraf Diploma Vokasional Malaysia sebagai laluan ke rangkaian universiti teknikal awam di Malaysia seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Usaha kerajaan dalam memartabatkan TVET juga dapat dilihat menerusi Rancangan Malaysia seperti Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Namun, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi dan diatasi supaya TVET benar-benar dapat membantu kerajaan melonjakkan ekonomi negara berlandaskan konsep pembangunan mampan. Konsep pembangunan mampan semakin mendapat perhatian di seluruh negara dan ia dibincangkan secara aktif oleh pihak berkepentingan berikutan peningkatan kesedaran rakyat terhadap perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar.

Negara di seluruh dunia kini menerima kesan pencemaran alam sekitar dan perubahan

iklim. Bencana seperti banjir, tanah runtuh dan gempa bumi cukup memberi kesan dahsyat kepada manusia sehingga ramai pakar tidak dapat menjangka dengan tepat bila dan di mana bencana ini akan berlaku.

Sudah tiba masanya negara dipergiatkan dengan amalan industri hijau untuk menyokong pembangunan secara lestari. Keberhasilan industri berteknologi hijau pada masa hadapan bergantung kepada ketersediaan modal insan yang dilengkapi dengan kemahiran generik hijau.

Bagaimanapun, ada dalam kalangan graduan TVET yang kurang memiliki kemahiran hijau yang diperlukan oleh industri. Kemahiran hijau yang dimaksudkan adalah kemahiran teknikal, pengetahuan, nilai dan sikap yang diperlukan oleh pekerja untuk membangunkan dan mengekalkan aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Untuk mengatasi masalah itu, dicadangkan kurikulum TVET ditambah baik dengan meningkatkan lagi kemahiran berkaitan pembangunan lestari seperti kemahiran penyelesaian masalah berkaitan pencemaran alam sekitar, kemahiran eksploitasi terhadap teknologi hijau, kemahiran pengurusan sumber asli, kemahiran pengurusan bahan mentah, kemahiran penjimatan tenaga dan kemahiran lain yang seumpama dengannya.

Satu lagi elemen penting dalam memacu pembangunan mampan ialah tenaga boleh diperbaharui. Tenaga boleh diperbaharui adalah antara sumber tenaga alternatif yang perlu diwujudkan bagi menggantikan penggunaan bahan api fosil. Beberapa sumber tenaga boleh diperbaharui termasuk angin, hidro dan solar. Sejak 2019, pelbagai insentif diumumkan untuk meningkatkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui yang selaras dengan Dasar Tenaga Negara.

Justeru, institusi TVET dilihat berpotensi untuk meningkatkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui ini dengan mewujudkan usahawan elektrik yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing. Tinjauan literatur mengenai pembangunan usahawan tenaga mendapati bahawa usahawan elektrik TVET menghadapi beberapa cabaran utama daripada segi kewangan, kos teknologi, logistik dan kemahiran dalam bidang tenaga boleh diperbaharui. Kerajaan berhasrat meningkatkan kapasiti sumbangan tenaga boleh baharu sebanyak 20 peratus menjelang 2025. Namun, aspirasi itu tidak dapat direalisasikan jika cabaran seperti yang dinyatakan tadi tidak ditangani dengan serius.


**Penulis Pensyarah Dasar Awam di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub**

## dialog kotaraya oleh juragan



# Pelajar perlu bijak pilih program pengajian seni bina

Universiti lahir tenaga mahir  
berkualiti untuk industri



Setiap program pengajian yang ditawarkan institusi pengajian tinggi (IPT) sudah tentunya bertujuan melahirkan siswazah berkualiti dan berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran dan industri.

Mengambil kira kecanggihan teknologi yang ada hari ini, kerjaya dalam bidang seni bina terutamanya arkitek dilihat lebih mencabar dan memerlukan kepakaran tinggi kerana semakin ramai pengguna yang mempunyai permintaan kompleks terutama dari segi reka bentuk.

Oleh itu, pelajar disarankan untuk bijak membuat pilihan program pengajian dalam bidang seni bina yang bakal diikuti supaya ilmu yang dipelajari di peringkat IPT kekal relevan dengan kehendak semasa dalam industri.

Lebih baik lagi jika memilih program pengajian yang mendapat pengiktirafan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM).

LAM adalah badan yang berperanan mengiktiraf program-program pengajian seni bina di Malaysia dan menyelia kelayakan serta atribut yang diperlukan untuk seseorang bekerja dalam bidang seni bina di negara ini.

Kali ini, *Sinar Bestari* kongsikan senarai universiti awam (UA) dan IPT yang menawarkan program pengajian seni bina serta mendapat pengiktirafan LAM. Semoga bermanfaat untuk semua.



**PUSAT** Pengajian Seni Bina & Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan, Teknologi dan Alam Bina UCSI menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Seni Bina dan Sarjana Seni Bina kepada pelajar berminat.

Pemohon yang ingin mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda perlu memiliki STPM dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.0 dan Gred C bagi dua mata pelajaran termasuk Matematik.



**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**USIM** turut menawarkan program pengajian yang mendapat pengiktirafan daripada LAM iaitu Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian kepada pelajar berminat secara sepenuh masa selama tiga tahun.

Syarat Am permohonan kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi lepasan STPM ialah pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu kertas Julai dan lulus Sejarah.

Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan Malaysian University English Test (MUET) Band 1.



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**USM** menawarkan program Sarjana Muda Sains Perumahan, Bangunan dan Perancangan (Kepujian) (Senibina) dan Sarjana Senibina kepada pelajar berminat masing-masing membabitkan tempoh selama tiga dan dua tahun.

Syarat Am permohonan kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi lepasan STPM ialah pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu kertas Julai dan lulus Sejarah.


Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan Malaysian University English Test (MUET) Band 1.



**DUA** program seni bina yang ditawarkan UIAM di bawah Kulliyyah Seni Bina & Reka Bentuk Alam Sekitar mendapat pengiktirafan daripada LAM iaitu Sarjana Seni Bina dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengajian Seni Bina) (Kepujian).

Syarat Am permohonan kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi lepasan STPM ialah pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu kertas Julai dan lulus Sejarah.

Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan Malaysian University English Test (MUET) Band 1.



**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
National University of Malaysia

**UKM** menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina secara sepenuh masa membabitkan tempoh selama tiga tahun dan dua tahun untuk program Sarjana Seni Bina.

Syarat Am permohonan kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi lepasan STPM ialah pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu kertas Julai dan lulus Sejarah.

Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan Malaysian University English Test (MUET) Band 1.



**TAYLOR'S UNIVERSITY COLLEGE**  
Wisdom - Integrity - Excellence

**TAYLOR'S UNIVERSITY** menerusi Pusat Pengajian Seni Bina, Bangunan & Reka Bentuk menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Seni Bina dan Sarjana Seni Bina, secara sepenuh masa. Masing-masing membabitkan tempoh pengajian selama tiga dan dua tahun.

Pemohon perlu memiliki STPM dengan sekurang-kurangnya NGMP 2.67 dalam tiga mata pelajaran yang diambil bagi melayakkan mereka memohon program di peringkat ijazah.



**PROGRAM** Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kepujian ditawarkan di Fakulti Senibina dan Ekistik UMK selama tiga tahun membabitkan mod pengajian sepenuh masa.

Syarat Am permohonan kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi lepasan STPM ialah pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu kertas Julai dan lulus Sejarah.

Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan Malaysian University English Test (MUET) Band 1.



**UNIMAS** menerusi Fakulti Alam Bina menawarkan program pengajian Sarjana Muda Sains (Kepujian) Senibina kepada pelajar berminat secara sepenuh masa selama tiga tahun.

Syarat Am permohonan kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi lepasan STPM ialah pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu kertas Julai dan lulus Sejarah.

Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan Malaysian University English Test (MUET) Band 1.



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILU BERSAMA

**FAKULTI** Rekabentuk dan Senibina UPM

menawarkan program Bachelar Sains Seni Bina dengan Kepujian secara sepenuh masa membabitkan tempoh selama tiga tahun dan Master Seni Bina selama dua tahun.

Syarat Am permohonan kemasukan ke universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi lepasan STPM ialah pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu kertas Julai dan lulus Sejarah.

Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan Malaysian University English Test (MUET) Band 1.

# Menyegarkan perkhidmatan awam tuntutan tindakan sistematik



Oleh Dr Musa Ali  
bhrencana@bh.com.my

**Ketua** Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (KPPA) yang baharu, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah dalam amanat sulungnya baru-baru ini menggariskan beberapa inisiatif bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Pengarah Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia (USM)

Terdapat empat fokus utama diberi tumpuan, pertama: menyegarkan semula penjawat awam; kedua: landskap baharu organisasi awam; ketiga: perkhidmatan awam kalis masa hadapan (*future proof*) dan keempat, iaitu bergerak bersama ke hadapan.

Mohd Shafiq menjelaskan, untuk fokus 'menyegarkan semula penjawat awam', perkhidmatan awam perlu mempunyai daya ketahanan tinggi, anjal, tangkas dan berinovasi. Sifat ini pula didasarkan kepada nilai integriti tinggi, berpaksi kepada rakyat dan berfikir realistik serta sentiasa bersedia menyelesaikan pelbagai masalah merentas kementerian dan agensi.

Justeru, amalan ini katanya, akan dapat meningkatkan nilai tambah dan produktiviti perkhidmatan awam serta meningkatkan kepercayaan rakyat.

Perkhidmatan awam juga jelasnya perlu dinamik dan tidak rigid, di samping memanfaatkan perkembangan teknologi semasa seperti platform digital selaras dengan inisiatif MyDigital.

Dalam fokus kedua, agensi awam perlu meneliti dan mengkaji dari segi struktur dan fungsi bagi memastikan tiada pertindihan.

Bermakna, ketua jabatan perlu sentiasa meneliti, mengkaji fungsi sedia ada dan melakukan proses rekayasa bagi memastikan organisasi sentiasa relevan dan memenuhi keperluan semasa serta mendatang.

Fungsi yang tidak lagi relevan hendaklah dijumpudkan. Di samping itu, pembangunan pekeliling dan peraturan perlu dilaksanakan dengan lebih berhemah dan menyeluruh, dengan mengambil kira input dan pandangan, terutama daripada pemegang taruh.

Pekeliling dan peraturan sedia ada perlu segera dikaji semula bagi memastikan ia sesuai dilaksanakan dalam perspektif semasa.

Dalam fokus ketiga, iaitu perkhidmatan awam kalis masa hadapan, penjawat awam hen-

daklah bersiap siaga dan membuat persediaan menerusi penyampaian perkhidmatan holistik dan kalis masa hadapan yang penuh cabaran.

Untuk mencapai matlamat ini, perkhidmatan awam perlu menjalin kerjasama daripada semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai pihak berkepentingan dalam masyarakat.

Dalam konteks ini Mohd Shafiq mengemukakan supaya konsep modal sosial (*social capital*) perlu diterapkan penggunaannya serta dibudayakan bagi memperkukuhkan jalinan kerjasama sedia ada dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Fokus ke empat ialah bergerak bersama ke hadapan yang membawa maksud perkhidmatan awam perlu bersifat dinamik dan responsif terhadap keperluan rakyat serta negara.

Perkhidmatan awam perlu bersama-sama membangunkan negara ke arah masa hadapan lebih cemerlang dalam melakukan lonjakan berganda terhadap ekonomi dan kesejahteraan negara ini.

Dalam konteks ini penjawat awam adalah pemangkin transformasi. Jika wujud sikap tidak peduli terhadap kepentingan melaksanakan perubahan atau transformasi, penyampaian perkhidmatan awam akan terjejas dan sebenarnya culas melaksanakan amanah.

“Perkhidmatan awam perlu bersama-sama membangunkan negara ke arah masa hadapan lebih cemerlang dalam melakukan lonjakan berganda terhadap ekonomi dan kesejahteraan negara ini”

Dalam hal ini, penjawat awam perlu berganding bahu memastikan imej cemerlang perkhidmatan awam dengan amalan budaya kerja berintegriti dan berprestasi tinggi.

Dari empat fokus digariskan Mohd Shafiq ini, ada dua perkara utama perlu diberi perhatian penjawat awam dan ketua jabatan agensi awam.

Pertama, aspek pengurusan dan pembangunan bakat dalam perkhidmatan awam dan yang kedua, pengurusan dan struktur agensi awam.

Dalam konteks pengurusan dan pembangunan bakat, wawasan menyegarkan semula perkhidmatan awam memerlukan anggota perkhidmatan awam yang kompeten, berintegriti tinggi dan responsif kepada kehendak masyarakat dengan penggunaan teknologi digital yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan.

Oleh itu, usaha bersepadu perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan kompetensi dalam kalangan penjawat awam sedia ada pada pelbagai peringkat perkhidmatan.

Jika ini dilakukan secara sistematik dan terancang, ia bukan sahaja meningkatkan imej perkhidmatan awam, tetapi menyediakan perkhidmatan kalis masa hadapan dengan pelbagai cabaran yang mendatang.

Perkara kedua yang perlu diberi perhatian ialah aspek pengurusan dan struktur agensi awam itu sendiri. Kajian semula terhadap struktur dan fungsi agensi awam perlu dilaksanakan secara terancang supaya tiada lagi isu pertindihan fungsi antara agensi perkhidmatan awam.

Di samping itu, perhatian perlu diberikan kepada kaedah pembangunan dan pelaksanaan pekeliling serta peraturan sedia ada untuk memastikan segala pekeliling itu tidak ketinggalan zaman dan menjadi penghalang kepada kemajuan agensi.

Justeru, pembangunan sesuatu pekeliling perlu mengambil kira input daripada pihak berkepentingan dalam ekosistem masyarakat yang menjadi penerima perkhidmatan.

Dalam kata lain, masyarakat perlu dilihat sebagai rakan strategik agensi awam untuk melaksanakan apa juga agenda penyampaian perkhidmatan.

Gagasan murni dan jelas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam baharu ini memerlukan tindakan susulan secara sistematik dan bersepadu daripada pelbagai pihak, termasuk anggota perkhidmatan awam pada pelbagai peringkat.



## Pastikan si kecil selamat

ISU kecuaiian, pengabaian dan penderaan bayi serta kanak-kanak oleh pengasuh, taman asuhan kanak-kanak (taska) serta pusat jagaan sering berlaku. Ia bagaikan tiada kesudahan walaupun pelbagai langkah dan nasihat telah diberikan untuk mencegah serta menanganinya.

Lebih meruntun hati apabila anak yang diberikan amanah untuk dijaga, dihantar dalam keadaan sihat tetapi pulangnya sudah tidak bernyawa atau mengalami kecederaan.

Bagi ibu bapa yang terpaksa menghantar anak ke rumah pengasuh, pastinya persoalan sama ada anak mereka diasuh dengan baik akan berlegar-legar di fikiran.

Namun, untuk memeriksa setiap jam tentunya mustahil. Mereka hanya mampu berserah dan bertawakal agar si kecil dalam keadaan baik sepanjang di bawah penjagaan pengasuh atau taska.

Antara kecuaiian pengasuh yang kerap dilaporkan ialah bayi tersedak susu, tercekik makanan, terjatuh dari tempat tinggi, terlilit tali buaian, lemas dalam besen air dan bayi terlepas daripada pegangan, selain isu penderaan atau pencabulan.

Terbaharu, pada Selasa, seorang bayi perempuan berusia 15 bulan disahkan meninggal dunia, dipercayai selepas kepalanya tersangkut pada kain buaian di pusat jagaan kanak-kanak di Taman Nusari Aman, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan.

Benar, ajal dan maut di tangan Tuhan. Kepada ibu bapa, berhati-hatilah memilih pengasuh. Selidik latar belakang mereka dan minta rujukan jika perlu. Pilih pusat penjagaan kanak-kanak yang didaftarkan dengan penjaga terlatih. Paling penting, elak mencari pengasuh saat-saat akhir.

Sementara itu, bagi pengasuh pula, mereka perlu sedar tanggungjawab sebagai pengasuh amat berat dan penting bagi memastikan si kecil berada dalam keadaan sihat di bawah jagaan mereka. Masa berkualiti bersama anak yang dijaga kadangkala lebih panjang berbanding bersama ibu bapa.

Penting untuk mereka mendapatkan ilmu keibubapaan menerusi kursus anjuran agensi tertentu dan mendaftarkan rumah jagaan mereka apabila bilangan anak asuhan meningkat kepada empat orang.

Sesungguhnya, kehilangan anak tersayang dalam sekelip mata amat berat untuk diterima. Jangan pandang remeh kerana nyawa yang hilang tidak boleh ditukar ganti.

Tangguh konvokesyen,  
27,287 graduan kecewaANALISIS  
MUKA 16

MOHAMAD KORNAIN

Berbicara tentang konvokesyen, ia tentunya pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan kepada sesiapa yang pernah bergelar graduan. Anugerah terindah selepas pelbagai cabaran dan rintangan diharungi ketika menuntut ilmu.

Namun, bagi graduan yang terpaksa berdepan era pandemik Covid-19, cabaran berganda terpaksa ditempuhi. Hari penuh bersejarah yang patut diraikan bersama insan tersayang terpaksa dilupakan buat seketika.

Minggu lalu, pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengeluarkan satu kenyataan rasmi di laman sesawangnya pada Khamis berhubung penangguhan Istiadat Konvokesyen Ke-93 yang dijadualkan pada 2 hingga 23 Mac ini.

Konvokesyen tersebut dijangka diadakan pada Jun hingga Julai tahun ini, namun UiTM mengambil maklum perkembangan terkini penularan jangkitan Covid-19 di Malaysia telah meningkat secara mendadak.

Keputusan itu diputuskan melalui Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil 5/2022 yang diadakan pada Rabu. Sehubungan itu, pihak universiti bersetuju menangguhkan istiadat konvokesyen yang melibatkan seramai 27,287 graduan UiTM Shah Alam, Selangor; cawangan Sarawak dan Sabah.

Jelas UiTM, keputusan dibuat ber-

dasarkan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) susulan peningkatan kes Covid-19 yang amat merisaukan pihak universiti.

Ia juga mengambil kira pelbagai aspek dari segi keselamatan, kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan graduan serta warga universiti.

"Pihak pengurusan UiTM memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami graduan dan ibu bapa.

"Pihak UiTM juga kesal dengan situasi di luar kawalan ini dan amat menghargai kefahaman, sokongan serta kerjasama yang diberikan semua pihak dalam hal ini," menurut kenyataan tersebut.

Walaupun berita itu mengecewakan ribuan graduan yang terlibat, namun demi keselamatan, mereka harus akur dan menerima keputusan yang ditetapkan.

Bagaimanapun, seorang pengguna Twitter @dfansina berpendapat, banyak lagi faktor yang perlu diambil kira sebelum pihak universiti membuat keputusan tersebut.

Malah katanya, universiti juga dilihat bertindak lambat berbanding universiti lain yang berjaya melaksanakan istiadat konvokesyen mereka meskipun ketika Covid-19.

Selain itu, terdapat memorandum bantahan penangguhan istiadat konvokesyen dengan mengaitkan prosedur operasi standard (SOP) Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang akan diadakan pada 12 Mac nanti.

Sekiranya pilihan raya boleh diadakan di dalam sebesar satu negeri, mengapa istiadat konvokesyen tidak boleh dilakukan hanya di dalam sekecil satu dewan?"

Menariknya tweet tersebut – "Sekiranya pilihan raya boleh diadakan di dalam sebesar satu negeri, mengapa istiadat konvokesyen tidak boleh dilakukan hanya di dalam sekecil satu dewan?"

Disebabkan kelewatan pihak universiti memaklumkan penangguhan tersebut, ramai lepasan universiti meluahkan rasa kecewa kerana tidak dapat merasai acara wajib sebaik tamat belajar.

Malah, sebahagian penuntut terutama di Sabah dan Sarawak telah membelanjakan ratusan ringgit membeli tiket kapal terbang semata-mata ingin meraikan kejayaan tersebut.

Walaupun pihak universiti sedang berusaha memudahkan isu tiket penerbangan dengan syarikat penerbangan untuk ganti rugi yang ditanggung graduan tetapi ia tidak harus berlaku.

Penulis berpendapat, konvokesyen berkenaan boleh sahaja diteruskan jika pihak universiti mengambil langkah berjaga-jaga kerana SOP sangat ketat, hanya melibatkan graduan, manakala ahli keluarga tidak dibenarkan berada di dalam kawasan universiti.

Penulis cuma tertanya-tanya, apa perbezaan SOP konvokesyen UiTM dan SOP PRN Johor? Adakah kluster tidak akan wujud?

Kita kini sedang menuju ke era endemik, jadi mahu tidak mahu kita perlu hidup dengan Covid-19.

\* Mohamad Kornain ialah Kurator Media Sosial Sinar Harian



Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

## Boleh susukan anak di mana-mana sahaja tapi jagalah adab dan aurat

BARU-baru ini kecoh diperkatakan mengenai kisah usahawan sensasi yang memuat naik tindakannya menyusukan anak di sebuah restoran.

Bukanlah tidak boleh menyusukan anak di tempat awam, malah memang digalakkan memberikan anak dengan susu ibu berbanding susu formula tetapi biarlah dengan cara yang betul.

Sebagai orang Islam, ada adab dan etika perlu dihormati. Merak Jalanan dah agak, video usahawan berkenaan 'yang sangat open' itu mengundang kecaman.

Setahu Merak Jalanan, fasiliti untuk menyusukan anak ada disediakan di tempat-tempat tertentu bagi menjaga privasi golongan ibu.

Tapi jika tiada sekali pun, jangan bimbang. Boleh sahaja menyusukan anak di mana-mana kerana kini di pasaran, banyak dijual variasi nursing cover untuk memudahkan ibu menyusukan bayi dengan yakin.

Kita pun faham dengan kerenah bayi. Memang tak boleh dijangka. Kalau sudah melalak mahukan susu, memang tak ada

kompromi. Ibu kena siap sedia.

Menyusukan bayi di tempat awam sudah menjadi normal, yang penting adalah aurat ibu perlu dijaga dan jika ada tempat tertutup, itu pilihan lebih baik.

Tapi Merak Jalanan nak ingatkan juga kepada golongan lelaki kerana ada segelintirnya masih mempunyai persepsi negatif. Tidak perlulah iman 'goyah' hanya kerana melihat seorang ibu menyusukan anaknya di tempat awam.

Susu ibu mempunyai zat-zat penting untuk perkembangan bayi. Ibu harus ber-

bangga kerana memilih memberikan khasiat terbaik untuk bayi. Ia adalah satu anugerah diberikan ALLAH SWT untuk seorang wanita bergelar ibu.

Jadi, janganlah ragu-ragu. Menyusukan bayi di tempat awam tidak salah di sisi undang-undang. Tapi ingat, jangan pula berlebih-lebihan seperti selfie, merakam dan menyebarkan gambar sedang menyusukan anak di laman sosial sehingga menampakkan apa yang tidak perlu.

Bukankah ia hanya akan mendatangkan fitnah dan perhatian tidak sepatutnya?